

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUTHARGA**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor seperti yang dinyatakan pada para 4 (i-vii) bagi kerja-kerja berikut : -

No Sebutharga	Tajuk Projek	Kelas	Kepala Sub-Kepala	Tempat Dokumen Dijual	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 21/2017	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Rumah Pangsa Taman Rakan, Cheras, Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.	CIDB G1 (Beralamat Dalam Hulu Langat)	CE01 & CE21	Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan	53.00 (Termasuk 6% GST)	02 Mac 2017 Hingga 16 Mac 2017
MPKj S 22/2017	Cadangan Perlantikan Panel Bagi Membekal 'Carboncor Asphalt' Ke Majlis Perbandaran Kajang Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya. (1 Tahun + 1 Tahun).	KKM	090101 @ 090199	Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan		02 Mac 2017 Hingga 16 Mac 2017

2. Pemborong yang ingin memasuki sebutharga di atas hendaklah membayar dalam bentuk wang tunai atau wang pos di atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kajang**.
3. Pemborong yang memasuki sebutharga di atas dinasihatkan membuat lawatan sendiri ke tapak projek bagi memudahkan mengisi kadar harga di dalam dokumen sebutharga yang dibeli.
4. Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada pemborong yang sah sahaja bermula tarikh **02 Mac 2017** sehingga **16 Mac 2017** Untuk maksud ini pemborong hendaklah membawa **sijil pendaftaran asal** seperti berikut :-

Untuk Sebutharga S 21/2017

- i) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK),**
- ii) **Sijil Taraf Bumiputera (STB),**
- iii) **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB),**
- iv) **Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**
* Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN.

Untuk Sebutharga S 22/2017

- v) **Syarikat Suruhajaya Malaysia (SSM)**
 - vi) **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM).**
** Sertakan bersama Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputra.*
 - vii) **Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**
** Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN..*
5. Salinan-salinan perakuan dan / atau sijil berkenaan yang boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen sebutharga hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Wang Tunai / Bank Draf / Wang Pos / Kiriman Wang Pos sahaja atas nama Yang DiPertua.
6. Dokumen sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **pada** atau **sebelum 16 Mac 2017 (Khamis)** jam **12.00 tengahari**.
7. Majlis Perbandaran Kajang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun mana-mana tawaran.

**Bahagian Bekalan Dan Perolehan,
Jabatan Khidmat Pengurusan,
b.p Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kajang,
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang.**